



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

26 OKTOBER 2022 (RABU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

26 OKTOBER 2022 (RABU)

Bekalan telur kurang

Ladang kecil tutup punca masalah

Pengusaha beri jaminan tingkatkan pengeluaran dalam masa terdekat

Oleh Nas Norziela Nasbah dan Zuhainy Zulkifli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penutupan beberapa ladang kecil yang menyumbang lebih kurang dua juta biji telur sehari, dikenal pasti sebagai punca kekurangan bekalan telur ketika ini.

Masalah kekurangan bekalan itu bertambah ketara apabila beberapa ladang besar tidak dapat menambah pengeluaran, bagi memampung kekurangan disebabkan penutupan ladang kecil terbabit.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata kementeriannya mengambil maklum isu kekurangan

bekalan telur di pasaran seperti yang dilaporkan.

"Melalui libat urus dan sesi lawatan yang dijalankan kementerian ke beberapa syarikat pengeluar telur, baru-baru ini, mereka memberi jaminan akan meningkatkan pengeluaran dalam masa terdekat," katanya.

Mengulas mengenai penjualan telur nutrisi yang didakwa jumlah atau kadar pengeluarannya lebih tinggi, Nanta berkata, isu itu sebenarnya lebih terarah kepada princip ekonomi, yang mana harga dan kadar pengeluarannya ditentukan 'market force' atau kuasa pasaran, selain permintaan dan penawaran.

Katanya, hal itu berbeza dengan telur kawalan iaitu gred A, B dan C, yang tertakluk kepada penetapan harga siling seperti diumumkan kementerian, masing-masing pada kadar 45, 43 dan 41 sen sebiji.

"Bagaimanapun, tindakan merusuri saluran perundungan dan peruntukan yang diselia oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) berupaya diambil terhadap mana-mana pengeluar, termasuk produk telur nutrisi jika wu-

jud elemen manipulasi pasaran.

"Manipulasi ini bermaksud menubuhkan pakatan pada peringkat pengeluaran, sama ada membabitkan bekalan makanan dan ubat untuk ternakan."

"Saya juga difahamkan, MyCC sedang giat membuat pemantauan berhubung keadaan semasa pasaran telur ayam dalam negara dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas seperti penyiasatan menyeluruh jika terdapat elemen pelanggaran tersenarai di bawah Akta Persaingan 2010," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga melaksanakan tindakan dengan menaikkan subsidi daripada 3 sen kepada 8 sen untuk telur gred A, B dan C, sekali gus memastikan harga bagi setiap biji telur adalah dalam jujat kemampuan pengguna, khususnya golongan B40.

"Kerajaan giat memperluaskan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM), yang kini memasuki peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), berbanding peringkat Parlimen sebelum ini.

"Impak daripada pemerluasan litar program ini menyaksikan

lebih ramai masyarakat, terutama di pedalaman dan pinggir bandar berupaya menikmati manfaat jualan barangan keperluan harian yang ditawarkan pada kadar 20 peratus lebih rendah daripada pasaran," katanya.

Siasat ladang ayam

Sementara itu, di Georgetown, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menyeru pihak berkuasa berkaitan menyiasat semua ladang ayam di negara ini, bagi memastikan ia mematuhi peraturan keselamatan makanan.

Kaedah penternakan ayam perlu dilihat semula kerana ia dibimbangi menyumbang kepada pencemaran bakteria Salmonella Enteritidis (SE).

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader, berkata laporan baru-baru ini mengenai tindakan Agensi Makanan Singapura (SFA) yang mengarahkan telur diimport dari Malaysia ditarik balik susulan pengesanan bakteria SE wajar dijadikan iktibar.

"Pelik kejadian sebegini tidak diketahui pihak berkuasa tempatan kita lebih awal walaupun dianggarkan rakyat Malaysia me-

ngambil 30 juta telur setiap hari. "Memandangkan keadaan itu, ramai pengguna Malaysia mungkin secara tidak sedar sudah mengambil telur yang tercemar dengan bakteria SE hingga menyebabkan cirit-birit, sakit perut, demam, loya dan muntah," katanya dalam kenyataan semalam.

Alexander Nanta Linggi,
Menteri Perdagangan
Dalam Negeri
dan Hal Ehwal
Pengguna



HARI : RABU
TARIKH : 26/10/2022
M/SURAT : 28

Telur tiada kerana bekalan kurang, bukan disorok

KOTA BHARU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan menjelaskan isu ketiadaan bekalan telur di pasaran bukan disebabkan aktiviti menyorok bekalan.

Pengaruhnya, Azman Ismail menjelaskan, pihaknya tidak menerima sebarang aduan berkait dengan aktiviti menyorok bekalan telur setakat ini.

Menurut beliau, kekurangan telur di pasaran disebabkan oleh ketiadaan bekalan yang cukup.

"Kelantan tidak ada pembekal telur, tetapi kita peroleh bekalan itu dari Selangor, Johor, Perak dan Melaka.

"Masalah ini berlaku di seluruh negara dan ia tidak melibatkan Kelantan sahaja," katanya selepas mengadakan pemantauan pematuhan skim harga maksimum musim perayaan Deepavali di sebuah pasar raya di sini, pada Selasa.

Pada perkembangan lain, KPDNHEP Kelantan akan menambah bekalan makanan sebanyak 30 peratus sebagai persediaan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka bermula November ini.

Tambahan tersebut akan dibuat oleh 66 syarikat pembekal dan 67 peruncit di negeri ini.

"Penambahan itu akan bermula seawal November ini dan ia melibatkan barang seperti beras, gula, biskut, ayam, telur dan beberapa barang kawalan lain," katanya.



Azman (kiri) menunjukkan bekalan telur semasa mengadakan pemantauan pematuhan skim harga maksimum musim perayaan Deepavali di sebuah pasar raya di Kota Bharu pada Selasa.

Skim pyramid tumpas, kereta mewah, wang tunai hampir RM1 juta disita

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menumpaskan skim pyramid dalam satu serbuan di empat premis di Pulau Pinang dan Kedah, Rabu minggu lalu.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, operasi bersepadu yang dijalankan dengan kerjasama Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) menyita pelbagai dokumen, komputer riba dan telefon bimbit yang berkaitan bagi membantu siasatan bersama ini.

"Selain itu, sembilan kenderaan mewah buatan BMW, Toyota, Maserati, Porsche dan Mercedes-Benz serta pelbagai beg tangan berjenama mewah milik suspek turut disita," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, sebanyak 38 akaun di tujuh bank dibekukan dan wang tunai keseluruhannya RM967,720.29 turut disita.

"Tujuh individu disyaki suspek kes terdiri daripada empat lelaki dan dua wanita tempatan serta seorang

warga Taiwan ditangkap bagi membantu siasatan," katanya.

Menurut beliau, siasatan awal mendapati, syarikat itu dipercayai menjalankan dan mempromosi aktiviti skim pyramid kepada orang awam menerusi aplikasi dalam talian dan penjualan pakej tertentu sejak beberapa tahun lalu.

"Syarikat ini disyaki turut aktif melakukan aktiviti tersebut di beberapa negeri seperti Pulau Pinang, Kedah, Terengganu, Sarawak dan negeri lain," katanya.

Ujarnya, kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 4 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentangan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 kerana disyaki melakukan aktiviti pengubahan wang haram.



Antara kenderaan mewah yang disita KPDNHEP dalam operasi bersepadu di Kedah dan Pulau Pinang.

HARI : RABU
TARIKH : 26/10/2022
M/SURAT : 28

KPDNHEP Kelantan tambah bekalan makanan 30 peratus



Azman (dua dari kiri) memeriksa cili merah semasa mengadakan pemantauan pematuhan skim harga maksimum musim perayaan Deepavali di sebuah pasar raya di Kota Bharu pada Selasa.

KOTA BHARU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan akan menambah bekalan makanan sebanyak 30 peratus sebagai persediaan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka bermula November ini.

Pengaruhnya, Azman Ismail berkata, tambahan tersebut akan dibuat oleh 66 syarikat pembekal dan 67 peruncit di negeri ini yang telah ditetapkan.

Menurut beliau, ketetapan itu dibuat bagi memastikan stok bekalan sentiasa mencukupi sekali gus memudahkan pengguna untuk mendapatkan barang keperluan dengan mudah.

"Penambahan bekalan akan bermula seawal November ini dan ia melibatkan barang seperti beras, gula,

biskut, ayam, telur dan beberapa barang kawalan lain," katanya selepas mengadakan pemantauan pematuhan skim harga maksimum musim perayaan Deepavali di sebuah pasar raya di sini pada Selasa.

Azman berkata, bagi melancarkan gerak kerja agihan bekalan KPDNHEP akan mengadakan perjumpaan dengan semua pembekal dan peruncit terlibat.

Ujarnya, jika banjir berlaku di luar kawalan bantuan dari negeri yang tidak terjejas akan dipohon.

Tambah beliau, bantuan itu pernah dipohon dari Selangor dan Kuala Lumpur semasa Kelantan dilanda banjir kuning pada 2014 lalu.

"Setakat ini kita menjalinkan kerjasama erat dengan semua pihak termasuklah KPDNHEP di negeri-negeri lain," katanya.

HARI : RABU
TARIKH : 26/10/2022
M/SURAT : 5



ENSURING COMPLIANCE ▶ Kelantan Domestic Trade and Consumer Affairs director Azman Ismail conducting checks in Kota Baru yesterday in conjunction with the Deepavali Season Maximum Price Scheme. — **BERNAMAPIC**

HARI : RABU
TARIKH : 26/10/2022
M/SURAT : 16

Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAJALANAN

TELUR ayam digemari semua orang, kalau ada yang tak suka, berapa kerat saja kan? Sebab telur ayam ini macam-macam boleh dibuat. Ia boleh dijadikan telur dadar, telur rebus, telur sambal kicap dan pelbagai lagi.

Malah, ia adalah bahan asas untuk membuat kek. Rakan isteri Merak Jalanan adalah seorang pengusaha kek lapis Sarawak sejak lebih sedekad lalu.

Namun, sejak beberapa minggu lalu, momentum perniagaannya jadi perlana kerana sukar dapat bekalan telur ayam.

Katanya, untuk membuat kek lapis Sarawak, isterinya memerlukan telur dalam kuantiti yang banyak. Masalah ini menyebabkan ada ketikanya isterinya langsung tidak berniaga kerana tiada telur untuk membuat kek.

Masalah bekalan telur ayam yang tidak cukup di pasaran sudah tentu dirasai oleh orang ramai terutamanya peniaga yang menjadikan telur sebagai bahan asas dalam pembuatan produk makanan mereka.

Isu kekurangan bekalan telur ayam

bukan perkara baharu, namun ada yang mendakwa keadaan tambah teruk sejak kerajaan melaksanakan harga kawalan terhadap bahan mentah berkenaan.

Malah, tinjauan di beberapa pasar raya berdekatan tempat tinggal Merak Jalanan sendiri mendapati ruang yang menempatkan telur ayam mulai kosong selepas jam 12 tengah hari.

Apa pun, kenyataan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) baru-baru ini sudah tentu memberi kelegaan ke-

rana menurut kementerian itu bekalan telur ayam di seluruh negara dijangka kembali stabil hujung bulan ini.


Khabarnya menerusi sesi konsultasi KPDNHEP dengan pihak industri, mereka telah menyatakan komitmen untuk meningkatkan pengeluaran telur ayam bagi menampung keperluan pengguna.

Merak Jalanan berharap masalah ini dapat diatasi segera kerana peralihan monsun sekarang biasanya menyebabkan permintaan terhadap telur pada musim tengkujuh turut meningkat.

Oh telur, di mana kau telur?

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : RABU
TARIKH : 26/10/2022
M/SURAT : 16

 Senarai Harga Barang Keperluan	Ayam RM7.49	Telur Gred A RM13.50	Gula Pasir RM2.80	Cili Merah RM10
	Daging Lembu Tempatan RM36	Ikan Kembung RM14	Bawang Besar Holland RM2.89	Kubis Bulat Tempatan RM2.50
	Daging Lembu Import RM32	Minyak Masak RM7.06	Bawang Putih RM4.99	Tepung Gandum RM3.30
				*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

BERITA ONLINE BERTARIKH 26 OKTOBER 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
26-Oct	Penutupan ladang kecil punca kekurangan bekalan telur	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1016508/penutupan-ladang-kecil-punca-kekurangan-bekalan-telur	BH
26-Oct	Domestic trade and consumer affairs ministry foils 531 piracy cases worth RM5.4m	https://www.marketing-interactive.com/domestic-trade-consumer-affairs-531-piracy-cases	BLOG
26-Oct	Sepinggan nasi kosong, sotong RM25	https://www.utusan.com.my/nasional/2022/10/sepinggan-nasi-kosong-sotong-rm25/	UM
26-Oct	Skim piramid: Kereta mewah, wang tunai hampir RM1 juta disita	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/227581	SH
26-Oct	KPDNHEP bongkar skim piramid, sita kereta mewah	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/896054/kpdnhep-bongkar-skim-piramid-sita-kereta-mewah	HM
26-Oct	Seven nabbed, almost RM1mil in cash and assets seized in connection with pyramid scheme	https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/10/25/seven-nabbed-almost-rm1mil-in-cash-and-assets-seized-in-connection-with-pyramid-scheme	THESTAR
26-Oct	Skim piramid: 7 ditahan, wang hampir RM1 juta disita	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/408101	THEMALAYSIANINSIGHT
26-Oct	KPDNHEP tumpaskan skim piramid di Pulau Pinang	https://suaramerdeka.com.my/kpdnhep-tumpaskan-skim-piramid-di-pulau-pinang/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=kpdnhep-tumpaskan-skim-piramid-di-pulau-pinang	SUARAMERDEKA
26-Oct	Tujuh ditahan promosi skim piramid, hampir RM1 juta wang disita	https://selangorkini.my/2022/10/tujuh-ditahan-promosi-skim-piramid-hampir-rm1-juta-wang-disita/	SELANGORKINI

26-Oct	Tujuh individu promosi skim piramid diberkas	https://www.utusan.com.my/nasional/2022/10/tujuh-individu-promosi-skim-piramid-diberkas/	UM
26-Oct	Aktiviti skim piramid di Pulau Pinang tumpas	https://dayakdaily.com/aktiviti-skim-piramid-di-pulau-pinang-tumpas/	DAYAKDAILY
26-Oct	Anjur skim piramid, 7 ditahan, sita kenderaan mewah dan wang hampir RM1 juta	https://www.1media.my/2022/10/anjur-skim-piramid-7-ditahan-sita.html?m=1	1MEDIA
26-Oct	Save nabbed, almost 1 mln in cash and assets seized in connection with Pyramid Scheme	https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2132082	BERNAMA
26-Oct	Five arrested, 17,180 litres subsidised diesel seized in KPDNHEP raid in Miri	https://www.theborneopost.com/2022/10/25/five-arrested-17180-litres-subsidised-diesel-seized-in-kpdnhep-raid-in-miri/	THEBORNEOPOST
26-Oct	Stor penyimpanan haram diesel bersubsidi sebanyak 17,180 liter digempur	https://dayakdaily.com/stor-penyimpanan-haram-diesel-bersubsidi-sebanyak-17180-liter-digempur/	DAYAKDAILY
26-Oct	Stor haram kumpul diesel subsidi di Tudan diserbu	https://www.borneo.network/2022/10/stor-haram-kumpul-diesel-subsidi-di.html	BORNEO.NETWORK
26-Oct	Lima suspek seleweng diesel bersubsidi ditahan	https://www.utusanborneo.com.my/2022/10/25/lima-suspek-seleweng-diesel-bersubsidi-ditahan	UMBORNEO
26-Oct	Stor diesel haram diserbu KPDNHEP	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/896111/stor-diesel-haram-diserbu-kpdnhep	HM

26-Oct	"20 Years Of Jail & RM200K Fine"— KPDNHEP Warns Against Selling Illegal Streaming Devices	https://www.google.com/amp/s/says.com/my/amp/tech/kpdnhep-warns-against-selling-illegal-streaming-devices	SAYS
26-Oct	Banjir: KPDNHEP Kelantan tambah bekalan makanan	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/227575	SH
26-Oct	Stok telur 'lesap'?	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/895990/stok-telur-lesap-metrotv	HM
26-Oct	Tiada kegiatan sorok bekalan telur	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/227578	SH
26-Oct	K'tan retailers allowed to raise flood preparedness stockpile by 30pct	https://www.thesundaily.my/local/k-tan-retailers-allowed-to-raise-flood-preparedness-stockpile-by-30pct-LC10036195	THESUNDAILY
26-Oct	K'tan retailers allowed to raise flood preparedness stockpile by 30pct	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2132057	BERNAMA
26-Oct	Pemeriksaan dan Pemantauan Harga	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/227603	SH
26-Oct	KPDNHEP Kelantan Hasilkan 829 Tindakan Kes Sepanjang Tahun Ini	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdnhep-kelantan-hasilkan-829-tindakan-kes-sepanjang-tahun-ini/	BULETINTV3
26-Oct	Bantuan TAPPN diperluas untuk anggota JBPM dan KPDNHEP	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/896127/bantuan-tappn-diperluas-untuk-anggota-jbpm-dan-kpdnhep	HM
26-Oct	Bantuan TAPPN diperluas untuk anggota JBPM dan KPDNHEP	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2132060	BERNAMA

26-Oct	Bantuan TAPPN diperluas untuk anggota JBPM dan KPDNHEP	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/bantuan-tappn-diperluas-untuk-anggota-bomba-kpdnhep-3877483famp=1	ASTROAWANI
26-Oct	Ada penuntut jual PerantiSiswa	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/896093/ada-penuntut-jual-perantisiswa	HM
26-Oct	Stern action awaits students who sell their PerantiSiswa tablets: Annuar	https://www.thesundaily.my/local/stern-action-awaits-students-who-sell-their-perantisiswa-tablets-annuar-GC10036220	THESUNDAILY
26-Oct	Tindakan tegas terhadap mahasiswa jual PerantiSiswa	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/227597	SH
26-Oct	Tindakan tegas terhadap mahasiswa jual PerantiSiswa	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1016594/tindakan-tegas-terhadap-mahasiswa-jual-perantisiswa	BH
26-Oct	Tindakan tegas jika jual peranti siswa	https://m.malaysiakini.com/news/641020	MALAYSIAKINI
26-Oct	Tindakan tegas akan dikenakan terhadap mahasiswa jual PerantiSiswa	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/49586-tindakan-tegas-akan-dikenakan-terhadap-mahasiswa-jual-perantisiswa	BERITARTM
26-Oct	K-KOM kesan 14 kes berkaitan penjualan PerantiSiswa	https://www.google.com/amp/s/www.malakatribunenews.com/2022/10/k-kom-kesan-14-kes-berkaitan-penjualan-perantisiswa/amp/	MALAKATTRIBUNENEWS
26-Oct	Tindakan tegas terhadap mahasiswa jual PerantiSiswa	https://mediavariasi.com/2022/10/tindakan-tegas-terhadap-mahasiswa-jual-perantisiswa/	MEDIAVARIASI
26-Oct	Tindakan tegas terhadap mahasiswa jual PerantiSiswa	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2132036	BERNAMA